

NO. SOALAN: 44

PERTANYAAN- PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR ONG KIAN MING [SERDANG]
TARIKH : 10 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)
SOALAN :

YB Dr Ong Kian Ming [Serdang] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini tender untuk membina loji "waste-to-energy" di Taman Beringin Kepong, berapa syarikat/konsortium yang telah disenarai pendek untuk projek ini dan bilakah tender ini akan dianugerahkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang telah dimaklumkan melalui jawapan kepada soalan lisan yang dibangkitkan oleh YB Serdang dalam sesi Dewan Rakyat yang lepas, Kerajaan telah memutuskan supaya Cadangan Projek Loji Rawatan Sisa Pepejal *Waste-to-Energy* (WtE) di Kuala Lumpur dilaksanakan secara tender terbuka antarabangsa. Proses tender tersebut telah pun dimulakan pada 29 September 2015 dan tarikh akhir pihak pembida membuat serahan tender kepada Kerajaan adalah pada 29 Februari 2016.

Seterusnya Kerajaan telah memulakan proses penilaian di peringkat *Best and Final Offer* (BaFO) sebelum pembida berjaya ditentukan oleh Kerajaan. Pembida yang disenarai pendek ke peringkat ini telah mengemukakan dokumen BaFO kepada Kerajaan pada 28 Oktober 2016. Pada masa ini, kesemua dokumen BaFO yang diterima sedang dinilai secara holistik dengan melihat kepada aspek teknikal dan komersil bagi memastikan tawaran syarikat akan memberikan *value for money* kepada Kerajaan. Penilaian adalah dilaksanakan oleh Kementerian dan Jabatan Kerajaan berkaitan secara bersepada melalui Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta. Proses penilaian di peringkat BaFO dijangka akan selesai dilaksanakan pada akhir Disember 2016 dan syor akan diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.